



SIARAN MEDIA

PENUTUPAN SEMENTARA RUANG UDARA SEMPENA PERTUNJUKAN UDARA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2018

PUTRAJAYA, 21 OGOS 2018 – Sempena Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018 yang akan diadakan pada 31 Ogos 2018 di Putrajaya, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan mengadakan Pertunjukan Udara sebagai sebahagian daripada acara sambutan tersebut.

Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) akan melakukan penutupan sementara ruang udara sekitar KLIA dan KLIA2 berkuatkuasa mulai 27 hingga 31 Ogos 2018 bermula pukul 9.00 pagi sehingga 10.30 pagi bagi tujuan latihan dan persembahan Pertunjukan Udara.

Penutupan sementara ruang udara tersebut dijangka akan melibatkan penjadualan semula waktu penerbangan. Sehubungan itu, orang ramai diminta untuk mengambil perhatian dan dinasihatkan untuk menghubungi syarikat penerbangan bagi merujuk jadual penerbangan terkini dalam tempoh tersebut untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

Orang ramai dialu-alukan untuk bersama-sama meraikan sambutan Bulan Kebangsaan 2018 dengan memeriahkan acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2018 bermula pukul 7.00 pagi dan menyertai pelbagai acara sampingan yang diadakan sepanjang hari sehingga 2 September 2018.

###

Disediakan oleh : Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan
Hari Malaysia 2018
Aras 34, Kompleks KKMM
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

Tel : 03 – 8911 5679/5680/5684/7984

Faks : 03 – 8911 5678

E-mel : sekretariatmerdeka@gmail.com

Laman Web : malaysiamerdeka.my

Facebook : Merdeka 360

Tarikh dikeluarkan : 21 Ogos 2018